

22/06/1997

Kenderaan elektrik di pasaran Julai

KAJANG: Kelompok pertama kenderaan elektrik - solar baby yang senyap dan mesra alam sekitar akan berada di pasaran tempatan Julai ini, kata Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Bhd (TNB), Datuk Dr Tajuddin Ali.

Beliau bagaimanapun berkata keluaran pertama itu hanya untuk pasaran percubaan dan bukan untuk pasaran umum.

"Kita sedang berusaha membawa komponen dari Britain untuk dipasang di sini dan diharap kelompok pertama akan siap Julai ini untuk digunakan bagi pasaran percubaan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Buku Panduan Perkhidmatan Anggota Kerja TNB di Universiti Tenaga Nasional (UTN), di sini, semalam.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, mengumumkan bahawa TNB mengetuai projek usaha sama Malaysia-Britain bagi membuat kenderaan elektrik yang senyap dan mesra alam sekitar serta memberikan keselesaan bergerak.

Tajuddin berkata, kelompok pertama kenderaan berkuasa elektrik itu merangkumi kenderaan kegunaan termasuk buggy-golf dan go-kart yang bukan untuk digunakan di pasaran umum.

Beliau berkata, 40 unit kenderaan solar baby akan dikeluarkan bagi kelompok pertama itu.

"Nama kenderaan itu dalam bahasa Melayu akan ditentukan kelak," katanya.  
- Bernama

(END)